

BAB 5.0

PENDAPAT-PENDAPAT AWAM

Oleh kerana proses sosialisasi, latar belakang dan taraf pendidikan yang diterima oleh setiap individu berlainan, ini telah melahirkan individu-individu yang mempunyai pendapat yang berlainan ke atas perkara yang sama.

Pada umumnya, walaupun terdapat komen yang baik ke atas beberapa aktiviti yang dianjurkan oleh PBS, tetapi pada keseluruhannya persatuan tersebut telah dikritik lebih daripada dipuji. Ini berlaku bukan sahaja di Malaysia, tetapi di Singapura, Taiwan, di mana persatuan ini telah diharamkan di situ, begitu juga kritikan yang dilaporkan di Jepun dan Amerika Syarikat.

Dalam konteks Malaysia, kritikan telah dikemukakan oleh setengah ibu bapa ahli PBS, surat khabar, pendita dan penganut Kristian dan orang awam. Antara kritikan yang dikemukakan termasuk mengatakan PBS merupakan pertubuhan agama "cult" yang terpesong dari Bible, dan menyertai persatuan kononnya akan melalui proses "brain-washing". Kritikan mengatakan PBS sebagai pertubuhan menggalakkan perhubungan setubuh secara bebas antara ahli persatuan, "out reach", memecahkan keluarga bahagia serta kritikan terhadap "mass-wedding".

Mengenai kritikan PBS sebagai agama terpesong, Encik Chew dan beberapa ahli persatuan masing-masing mengatakan kritikan ini adalah dari pihak gereja Kristian. Menurut Encik Chew, keadaan ini berlaku kerana

perkembangan PBS yang pesat dalam jangka masa pendek telah mengancam kedudukan Kristian dan Katholik di Malaysia. Maka pihak gereja cuba cari kelemahan PBS dan mengkritikkannya.

Dari sudut pandangan media pencetakan, khasnya akbar tempatan, Encik Chew telah mengeluarkan rasa tidak puas hati atas laporan yang tidak tepat. Wartawan yang melaporkan keburukan PBS dikatakan oleh Encik Chew tidak bertanggung jawab kerana tidak pernah mengkaji asal-usul dan objektif PBS. Apabila laporan sedemikian dilaporkan, Encik Chew dan wakil PBS akan berjumpa dengan pihak suratkahbar dan menjelaskan salah faham atas laporan yang disiarkan dalam akbar tersebut.

Sebagai contoh, PBS pernah dikritik menggalakkan ahli-ahlinya meninggalkan rumah dan berkhidmat untuk persatuan. Merujuk kepada laporan ini, Encik Chew pernah jumpa pihak surat khabar dan menerangkan matlamat dan aktiviti persatuan kepada pihak surat khabar. Tetapi Encik Chew merasa kesal kerana segala penjelasan yang dibuat tidak diambil berat oleh pihak tertentu.

Di samping peristiwa tersebut, pengkaji telah menemui beberapa responden, termasuk pendita gereja, ahli-ahli persatuan dan sebagainya tentang pandangan mengenai PBS. Di sini pengkaji cuba kodkan kata-kata mereka.

Pendita Ng dari St. Peter's (Anglican) Church, Ipoh berkata :

"Pergerakan PBS bermula pada 1960an sebelum saya menjadi pendita. Hubungan kekeluargaan yang lemah dan kurang kasih sayang menjadi faktor utama pemuda-pemudi merasa

kehilangan. PBS mengambil kesempatan ini menarik golongan remaja yang menghadapi masalah. Mengenai "mass-wedding", saya tidak sokong upacara perkahwinan ini. Walaupun ia dikatakan berdasarkan kasih-sayang, tidak ada jaminan ia akan menubuhkan keluarga bahagia."

Menurut pendita Yap dari Pasir Pinji Chinese Methodist Church, Ipoh,

"Sekiranya dunia ini adanya Tuhan dan manusia dapat berhubung dengan Tuhan, mengapakah ia dikehendaki melalui pendita Moon yang juga sebagai manusia biasa? Methodist Church telah beri sumbangan kepada masyarakat melalui pembinaan sekolah dan hospital atau rumah orang-orang tua, apa pula sumbangan PBS kepada masyarakat?"

Cik Chan, wartawan dari Nanyang Siang Pau cawangan Ipoh juga telah melahirkan perasaan beliau mengenai penyertaan pemuda-pemudi dalam PBS. Menurut Cik Chan,

"Saya rasa kasihan terhadap ahli-ahli PBS yang muda usianya. Sebenarnya saya bercita-cita ingin melaporkan lebih banyak dan lebih mendalam mengenai persatuan. Saya tidak dapat berbuat demikian kerana tentangan dan halangan oleh pihak suratkhabar dan pihak PBS yang berikan saya tekanan."

Encik Fan, seorang peniaga yang tidak beragama dari Ipoh, pernah buat siasatan dalam PBS mengatakan :

"Saya agak hairan mengapa pertubuhan agama ini diharamkan di Singapura dan Taiwan, tetapi masih berdiri tegak di Malaysia, malahan menjalankan perniagaan khasnya ginseng secara besar-besaran. Melalui siasatan saya, seseorang ahli sukar menarik diri dari persatuan kerana teknik persatuan

yang sentiasa berikan tanggung jawab kepada seseorang, misalnya hantar ahli-ahli ke luar negeri. Amalan PBS juga menghairankan di mana semasa makan, mereka tidak boleh habiskan makanan mereka kerana dipercayai tidak dapat makanan bila hidup kedua di dunia ini. Melalui "mass-wedding", mereka percaya tujuh generasi ahli tersebut akan hidup bahagia."

Bagi pihak ahli PBS pula, menurut Cik Gan selaku pekerja sepenuh masa di pusat PBS Kuala Lumpur berkata,

"Saya menjadi ahli PBS lima tahun yang lalu. Melalui agama ini, saya dapat cari jawapan mengenai hidup dan lahirnya saya di dunia ini."

Cik Woo, ahli aktif dalam CARP berkata,

"Saya telah memohon mengikuti "mass-wedding" yang mungkin diadakan di Korea tahun depan. Pada mulanya saya risau. Sekarang saya rasa di mana saya berada dan kahwin dengan siapa tidak begitu penting kerana saya berkeyakinan terhadap pilihan oleh pendita Moon."

Seorang penuntut yang belajar di Universiti Malaya berkata,

"Kakak saya ialah ahli PBS tetapi saya tidak. Walaupun saya suka menyertai aktiviti PBS, tetapi saya tidak dapat menerima konsep PBS mengenai perkahwinan."

Dapat dirumuskan ahli PBS atau tidak didapati berpendapat berlainan. Kesemua ini sebenarnya hanya pendapat individu sahaja. Tidak ada siapa yang boleh mengatakan siapa salah atau betul.

BAB 6.0

KESIMPULAN

Persatuan Bersemangat Suci mula menjadi aktif sejak 1980an di Malaysia. Kini cawangan persatuan terdapat di Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Melaka dan Pahang selain di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Di Kuala Lumpur dan Selangor dijangkakan mempunyai jumlah ahli antara 200 hingga 300 orang dan kebanyakannya terdiri daripada penuntut sekolah dan institut pengajian tinggi.

Matlamat persatuan sebenarnya untuk mendapat kuasa khasnya kuasa ekonomi melalui pelbagai cara, misalnya penjualan ginseng olehnya.

Falsafah dan ajaran PBS boleh dikatakan mengelirukan. "Mass-wedding" khasnya dipandang sebagai tindakan yang karut dan tidak dapat diterima oleh kebanyakkhan orang. Tetapi dari sudut pandangan ahli PBS, ia merupakan satu upacara yang amat membanggakan.

Persatuan Bersemangat Suci dapat berdiri tegak dan kukuh di Malaysia kerana sokongan kuat oleh ahli persatuan. Aktiviti-aktiviti yang diadakan pada umumnya mendapat sambutan baik dari ahli-ahlinya. Pada pendapat pengkaji, Persatuan Bersemangat Suci berpotensi untuk terus berkembang di Malaysia.

Persatuan Bersemangat Suci semakin terdedah kepada penduduk Malaysia, baik di peringkat bawahan atau atasan, atau peringkat pendidikan rendah dan tinggi. Ahli persatuan

yang semakin bertambah menunjukkan ia berpotensi untuk terus berkembang. Sehingga hari ini, Persatuan Bersemangat Suci tidak lagi asing bagi penduduk tempatan secara amnya, dan khususnya di negeri-negeri yang mempunyai cawangan persatuan.

